

HELAIAN PENDEDAHAN PRODUK



Pelanggan yang dihormati,

Helaian Pendedahan Produk (PDS) ini memberikan anda maklumat penting mengenai insurans hayat anda. Pelanggan lain yang telah membaca PDS juga mendapati ia berguna; **anda juga harus membacanya.**

MANULIFE INSURANCE BERHAD
(200801013654 (814942-M))

Tarikh: dd/mm/yyyy

1 Apakah Mortgage Level Term Assurance (MLTA)

Mortgage Level Term Assurance ialah insurans hayat berkumpulan berjangka dengan premium tunggal, tidak menyertai, yang menyediakan perlindungan kematian dan Hilang Upaya Menyeluruh dan Kekal (TPD). Ia ditawarkan kepada pelanggan Bank of China (Malaysia) Berhad yang telah diluluskan untuk kemudahan pinjaman. Bank of China (Malaysia) Berhad ialah pengedar dan Pemegang Polisi Induk bagi pelan ini.

Sekiranya berlaku kematian atau TPD semasa tempoh perlindungan, Jumlah Perlindungan yang telah dikurangkan akan dibayar kepada Bank of China (Malaysia) Berhad untuk menampung jumlah baki kemudahan pinjaman. Baki lebihan, jika ada, akan dibayar kepada Orang Diinsuranskan. Jika tiada Orang Diinsuranskan yang masih hidup, manfaat akan dibayar kepada Penama.

2 Ketahui Perlindungan/Manfaat Anda

Sebagai contoh, dengan RM 7,635.00 setahun, anda akan menerima perlindungan insurans berikut:

Kematian / Hilang Upaya Menyeluruh dan Kekal	RM500,000
Perlindungan/Manfaat Tambahan	Tiada Berkenaan

Nota: Ilustrasi di atas menunjukkan contoh manfaat dan premium yang diperlukan untuk seorang pelanggan lelaki berusia 30 tahun yang sihat, membeli MLTA dengan Jumlah Perlindungan sebanyak RM500,000 untuk tempoh 10 tahun (tanpa tempoh pembinaan) dan tanpa pembiayaan premium. Sila rujuk kontrak polisi untuk maklumat penuh mengenai manfaat dan premium anda.

Insurans hayat anda **tidak melindungi**:

- Bunuh Diri - Manfaat kematian tidak dibayar di bawah pelan ini jika kematian yang Diinsuranskan adalah disebabkan membunuh diri dalam tempoh 13 bulan dari Tarikh Pengeluaran Sijil Insurans. Sijil Insurans akan menjadi tidak sah, Manulife hanya akan memulangkan premium yang telah dibayar tanpa faedah.
- Sebarang tuntutan yang timbul daripada Penyakit Sedia Ada, dimana Orang yang Diinsuranskan telah menerima nasihat atau rawatan dalam masa 12 bulan sebelum Tarikh Pengeluaran Sijil Insurans.
- TPD yang disebabkan oleh:
 - i. Sebarang percubaan untuk membunuh diri, sama ada dalam keadaan siuman atau tidak siuman, atau sebarang kecederaan yang sendiri disengajakan;
 - ii. Perkhidmatan dalam angkatan tentera darat, udara atau laut pada masa peperangan diisytiharkan atau tidak diisytiharkan atau semasa di bawah perintah operasi seperti peperangan atau pemulihan ketenteraman awam;
 - iii. Penglibatan dalam perbuatan jenayah;
 - iv. Penyertaan dalam aktiviti penerbangan selain daripada sebagai penumpang yang membayar tambang atau kakitangan syarikat penerbangan penumpang komersial;
 - v. Pengaruh alkohol atau dadah atau penglibatan dalam salah guna bahan terlarang; atau
 - vi. Penyertaan dalam sebarang kegiatan berbahaya seperti, tetapi tidak terhad kepada, mendaki gunung, menyelam skuba, luncur angin, perlumbaan kelajuan atau ketahanan, dan sebagainya.

Nota: Senarai ini **tidak menyeluruh**. Sila rujuk Sijil Insurans untuk senarai penuh pengecualian di bawah polisi ini.

Jika anda mempunyai sebarang pertanyaan atau memerlukan bantuan mengenai insurans hayat, anda boleh:



Hubungi kami di:
(03) 2719-9112



Lawati kami di:
www.manulife.com.my/products



Hantarkan emel kepada kami di:
MYCARE@manulife.com

3 Ketahui Tanggungjawab Anda

Untuk insurans hayat ini, anda mesti membayar premium sebanyak:

Premium	RM XXXX.XX Premium mungkin berbeza bergantung pada keputusan pengunderaitan, umur Orang Diinsuranskan, Amaun Perlindungan dan tempoh perlindungan. Sila rujuk Ilustrasi Produk untuk maklumat lanjut.
Tempoh: Tidak berkenaan, ini merupakan pelan premium tunggal.	
Anda juga perlu membayar yuran dan caj berikut	
Duti Setem	Dikecualikan
Komisen	10% daripada premium MLTA atau RMXXXX.XX

4 Terma Utama Lain

- Anda mesti mendedahkan semua fakta penting seperti keadaan perubatan dan menyatakan umur anda dengan betul. Jika tidak, anda berisiko tuntutan anda ditolak atau polisi ditamatkan.
- Anda dinasihatkan untuk menamakan penama bagi permohonan insurans anda bagi memastikan penyelesaian tuntutan berjalan lancar. Anda juga perlu memastikan bahawa penama dimaklumkan tentang polisi yang telah anda beli. Adalah penting untuk anda, penama anda atau pemegang amanah anda memaklumkan kepada kami sebarang perubahan maklumat hubungan bagi memastikan semua surat-menyurat sampai kepada anda, penama anda atau pemegang amanah anda tepat pada masanya.
- Untuk maklumat tentang cara membuat tuntutan, sila rujuk panduan kami di www.manulife.com.my.
- Kes hayat bersama – jika ini adalah kes hayat bersama, manfaat akan dibayar pada kejadian pertama kematian atau Hilang Upaya Menyeluruh dan Kekal (TPD) daripada salah seorang yang diinsuranskan di bawah Sijil Insurans.
- Had bagi TPD – Manfaat TPD menyediakan perlindungan sehingga umur enam puluh lima (65) pada hari lahir berikutnya. Jumlah Hilang Upaya bagi Sijil Insurans berhubung dengan seorang yang diinsuranskan dan jumlah keseluruhan hilang upaya di bawah sijil ini dan semua insurans ke atas hayat yang sama dengan Syarikat tidak boleh melebihi RM10,000,000.
- **ANDA HARUS MEMASTIKAN PELAN INI BOLEH MEMENUHI KEPERLUAN ANDA. ANDA HENDAKLAH MEMBACA DAN MEMAHAMI PELAN INSURANS, SERTA MENGHUBUNGI SYARIKAT INSURANS SECARA LANGSUNG UNTUK MAKLUMAT LANJUT.**
- **Manfaat yang dibayar di bawah produk yang layak dilindungi oleh PIDM sehingga had. Sila rujuk kepada Brosur TIPS PIDM atau hubungi Manulife Insurance Berhad atau PIDM ([layari www.pidm.gov.my](http://www.pidm.gov.my)).**

Nota: Senarai ini **tidak menyeluruh**. Anda harus merujuk kepada kontrak polisi untuk senarai penuh terma dan syarat.

? Bolehkah Saya Membatalkan Sijil Insurans Saya?

Ya, anda boleh membatalkan Sijil Insurans anda dengan memberikan notis bertulis kepada kami.

- **Tempoh Percubaan:** Anda boleh membatalkan Sijil Insurans anda dalam masa 15 hari dari tarikh penerimaan Sijil Insurans. Jika premium dibiayai, semua premium yang dibayar kepada Manulife selepas ditolak sebarang perbelanjaan perubatan akan dikembalikan kepada Pemegang Polisi Induk dan Sijil Insurans akan dibatalkan. Bagi kes premium tidak dibiayai, semua premium yang dibayar selepas ditolak sebarang perbelanjaan perubatan akan dikembalikan kepada Orang Diinsuranskan atau Orang Diinsuranskan Utama (bagi kes hayat bersama), dan Sijil Insurans akan dibatalkan.
- **Selepas Tempoh Percubaan:** Anda boleh membatalkan atau menyerahkan Sijil Insurans anda dengan memberi notis bertulis kepada Manulife Insurance Berhad. Jika premium dibiayai dan masih terdapat hutang oleh anda kepada Pemegang Polisi Induk, amaun nilai tunai akan dibayar terlebih dahulu kepada Pemegang Polisi Induk dan baki (jika ada) akan dibayar kepada anda. Bagi kes premium tidak dibiayai, nilai tunai akan dibayar kepada Orang Diinsuranskan atau Orang Diinsuranskan Utama (bagi kes hayat bersama). Syarikat berhak menagguhkan pembayaran nilai tunai bagi tempoh tidak melebihi 6 bulan dari tarikh penerimaan permohonan penyerahan.

Jika terdapat percanggahan antara versi Bahasa Inggeris dan Bahasa Malaysia untuk dokumen ini, versi Bahasa Inggeris akan digunakan.